

AYAT

Ayat menduduki peringkat susunan tertinggi yang terdiri daripada dua unsur utama, iaitu subjek dan predikat.

Ayat = Subjek + Predikat

Dalam bahasa Melayu, terdapat empat pola untuk membentuk ayat yang dikenali sebagai pola ayat dasar seperti yang berikut:

Subjek + Predikat	Contoh Ayat
1. Frasa Nama + Frasa Nama	Budak lelaki itu adik bongsu saya.
2. Frasa Nama + Frasa Kerja	Adik bongsu saya sedang bermain bola.
3. Frasa Nama + Frasa Adjektif	Rumah baharunya itu sangat cantik.
4. Frasa Nama + Frasa Sendi Nama	Bungkusan hadiah itu daripada rakan-rakannya.

Jelaslah kepada kita bahawa subjek mestilah terdiri daripada frasa nama yang didukung oleh kata nama manakala predikatnya boleh terdiri daripada mana-mana frasa.



Latihan Pengukuhan

Asingkan ayat-ayat ini kepada subjek dan predikatnya serta kenal pasti polanya.

1. Budak-budak di tepi padang itu sedang berehat kerana kepenatan.

Pola = _____

Subjek = _____

Predikat = _____

2. Anak sungai yang jernih itu agak dalam airnya.

Pola = _____

Subjek = _____

Predikat = _____

3. Hadiah di atas meja itu daripada ibu bapanya.

Pola = _____

Subjek = _____

Predikat = _____

4. Kelima-lima daripada mereka anak ketua kampung kami.

Pola = _____

Subjek = _____

Predikat = _____

5. Dia akan memakai baju sekolah bergosok sahaja ketika ke sekolah.

Pola = _____

Subjek = _____

Predikat = _____

6. Wang sakunya disimpan di dalam tabung pada setiap hari.

Pola = _____

Subjek = _____

Predikat = _____

7. Wajah kakak kelihatan ceria apabila memakai gincu ketika pergi ke pejabat.

Pola = _____

Subjek = _____

Predikat = _____

8. Kamu membeli buku tatabahasa ini di mana?

Pola = _____

Subjek = _____

Predikat = _____

9. Adik kamu pergi ke sekolah dengan basikal atau dengan bas?

Pola = _____

Subjek = _____

Predikat = _____

10. Ketiga-tiga orang budak itu sedang berbincang tentang pelajaran mereka.

Pola = _____

Subjek = _____

Predikat = _____